



فجابه فغاره تانه دان كمالين ترغكانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU

Telefon : 09-6231957 samb. 6335 - 6343 Fax.: 09-6229887  
6411 - 6424



21

PTG.TR.G/05/1988/06/04 (21)

5 Jun 2008

30 J'Awal 1429

Pentadbir Tanah  
**KUALA TERENGGANU**

Pentadbir Tanah  
**KEMAMAN**

Pentadbir Tanah  
**DUNGUN**

Pentadbir Tanah  
**BESUT**

Pentadbir Tanah  
**HULU TERENGGANU**

Pentadbir Tanah  
**MARANG**

Pentadbir Tanah  
**SETIU**

Tuan,

09 JUN 2008

Dihantar pada .....

Tandatangan .....

Bertulis Kandung/Despatch  
Pejabat Pengarah Tanah  
& Galian Trg.

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 1/2008**

**MAKLUMAN BAGI MENGEKALKAN REMISIYEN KE ATAS TANAH YANG TELAH  
DIAMBIL BALIK**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan bahawa remisyen bagi tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah adalah dikekalkan.

2. **LATARBELAKANG:**

- 2.1 Mengikut Arahan PTG Bil. 1/2002, telah dinyatakan bahawa remisyen hanya akan tamat apabila berlaku urusan pindahtanah oleh orang-orang perseorangan / individu.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

- 2.2 Remisyen juga akan terhapus sekiranya pemilik tanah telah membuat permohonan untuk membangunkan tanah-tanah mereka seperti tukar syarat, pecah sempadan atau pecah bahagian.
- 2.3 Pengambilan balik tanah bukanlah satu proses pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh pemilik tanah, sebaliknya ia adalah satu proses pengambilan semula tanah yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan. Tujuan pengambilan balik tanah adalah untuk dibangunkan oleh pihak lain iaitu pihak Kerajaan dan bukannya pemilik tanah tersebut.
- 2.4 Memandangkan pengambilan balik tanah telah mengurangkan keluasan hakmilik tanah pemilik, maka adalah tidak munasabah untuk pemilik membayar cukai lebih tinggi daripada kadar yang dibayar sebelum ambil balik. Tindakan menghapuskan remisyen sebelum ini adalah disebabkan salah faham tentang takrif urusan pembangunan tanah.


3. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah diterimapakai dan berkuatkuasa dengan serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

***“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”***  
***“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”***

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL )**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu,
2. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
3. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
4. Pegawai Sistem Maklumat,
5. Ketua Pembantu Tadbir Pendaftaran PTG,
6. Pembantu Tadbir (Hasil) PTG,
7. Fail Timbul.